

PENERAPAN MATLAMAT PENDIDIKAN ISLAM OLEH GURU CEMERLANG PENDIDIKAN ISLAM: SATU KAJIAN KES DI BEBERAPA BUAH SEKOLAH MENENGAH DI MALAYSIA

KAMARUL AZMI JASMI^{1*}, AB. HALIM TAMURI² & MOHD IZHAM MOHD HAMZAH³

Abstrak. Artikel ini cuba mengupas matlamat Pendidikan Islam yang ingin dicapai oleh Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Kupasan matlamat ini berdasarkan kajian kes yang menggunakan pendekatan kualitatif yang dilaksanakan di lapan buah sekolah menengah di Malaysia dalam bentuk temu bual bersama GCPI, dua orang rakan serta dua orang pelajar mereka, dan Pengetua atau Guru Penolong Kanan sekolah. Dapatan data verbatim temu bual ini kemudian disusun tadbir dalam program N’Vivo versi 7.0 untuk menghasilkan tema dan jadual matriks berkaitan dengan matlamat Pendidikan Islam. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat empat pola matlamat yang ingin dicapai oleh GCPI dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam mereka di dalam kelas, iaitu memindahkan ilmu, perubahan tingkah laku, pelajar menjadi cemerlang, dan pelajar berjaya di dunia dan akhirat. Kupasan matlamat ini dibentangkan dengan perbandingan pemahaman responden terhadap matlamat ini, alasan terhadap matlamat dan pengakuan terhadap matlamat yang wujud itu kepada GCPI. Seterusnya, dapatan kajian ini dibincangkan untuk melihat ciri persamaan dan perbezaan yang wujud antara dapatan kajian ini dengan pandangan tokoh pendidikan tentang matlamat pendidikan Islam. Pada bahagian akhir artikel ini, satu model matlamat dibina daripada pola dapatan kajian untuk dijadikan asas pegangan kepada guru-guru Pendidikan Islam.

Kata kunci: Matlamat pendidikan; guru cemerlang pendidikan Islam

Abstract. This article will examine the teaching aims that should be achieved by the Excellent Teacher of Islamic Education (ETIE) during the lesson of Islamic Education in the classroom. This research was a case studies using the qualitative approaches that was carried out in eight secondary schools in Malaysia. In this study, the researcher conducted several interviews with eight ETIE, two of their colleagues, two of their students, their school principal or school senior assistant teacher. The verbatim data from the interviews were managed and compiled using the N’Vivo version 7.0 in order to construct related themes and matrix tables regarding the aims of teaching of Islamic education. The findings showed that there were four patterns of goals that should be achieved by the ETIE during the lesson of Islamic Education in the classroom, i.e. the

¹ Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310, UTM Johor Bahru, Malaysia

^{2,3} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

* Corresponding author: gamar@utm.my

transferring knowledge, behavioral changes, excellent student, and successful student in this world and the hereafter. The discussion covers comparison of respondents' understanding on the teaching goals as well as the reasons and explanation for setting the teaching goals by the ETIE. Furthermore, the discussion also looked at the similarities and differences between the findings of this study and the views of educational experts regarding the aims of Islamic Education. Finally, based on the findings, a model of teaching goals of Islamic Education was formulated as a guidelines for Islamic Education teachers.

Key words: Teaching aims; excellence teacher in Islamic education (ETIE)

1.0 PENGENALAN

Islam memberi penekanan terhadap matlamat yang hendak dicapai dalam sesuatu pekerjaan. Matlamat ini dikenali sebagai niat. Niat dalam Islam merupakan intipati atau rukun bagi sesuatu pekerjaan. Hal yang sedemikian sebagaimana dinyatakan dalam hadis Rasulullah s.a.w. yang dilaporkan oleh 'Umar Ibn Khattab r.a. (al-Bukhari, 1994: 3/1; Muslim, 2001: 738; Abu Dawud, 1994: 507/1; al-Nasa'i, 1930: 58/1), "*Hanyasanya setiap amalan berserta dengan niat.*" (Al Bukhari dan Muslim). Hadis ini menjelaskan bahawa sesuatu pekerjaan sama ada dalam ibadat atau apa sahaja tindakan mestilah dimulai dengan niat. Begitu juga dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P), niat merupakan salah satu rukun dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam yang mesti ada dan hendaklah niat ini berada dalam keadaan yang betul (al-Nawawi, 1994: 1277). Hal ini kerana, niat mampu membetul dan memastikan keikhlasan dalam melaksanakan pekerjaan bagi mendapat keredaan Allah S.W.T. Keikhlasan yang merupakan amalan hati juga dipanggil sebagai niat (al-Zuhaili, 1989: 227). Hal ini kerana, apabila Allah reda dengan pengajaran dan pembelajaran itu, barulah kesan yang baik dari sudut rohani akan wujud pengajaran dan pembelajaran tersebut. Oleh sebab itu Allah S.W.T. memerintahkan kepada umat manusia khususnya dalam hal pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ini agar berniat hanya untuk-Nya sahaja. Firman-Nya, "*Padahal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah S.W.T. dengan mengikhlaskan (niat) ibadat hanya kepadaNya.*" (al Bayyinah, 98:5). Ayat ini menegaskan bahawa segala perintah Allah hendaklah dilaksanakan dengan niat yang ikhlas hanya kepada-Nya sahaja.

Berdasarkan kepentingan matlamat dalam pengajaran dan pembelajaran ini, tulisan ini mengupas kajian matlamat yang ingin dicapai oleh GCPI dalam pengajaran dan pembelajaran mereka dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

Kajian ini akan menjelaskan objektif dan dan soalan kajian, metodologi kajian, dapatan kajian, perbincangan kajian, serta implikasi dan cadangan kajian. Secara ringkas, GCPI dalam kajian adalah merujuk kepada ini ialah guru pakar pendidikan Islam yang mempunyai pengajaran dan pembelajaran cemerlang, keperibadian hebat, kemahiran dan kecekapan yang tinggi, penguasaan ilmu dan penghayatan Islam yang menjadi ikutan ramai, serta yang sentiasa tinggi motivasinya dalam melaksanakan kewajipan sebagai seorang guru.dalam subjek Pendidikan Islam (Kamarul Azmi Jasmi, 2010: 25).

2.0 OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Objektif yang ingin dilihat dalam kajian ini ialah untuk melihat matlamat pengajaran dan pembelajaran yang ingin dicapai oleh GCPI ketika pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam di dalam Kelas. Manakala persoalan kajian pula menyentuh kepada persoalan "Apakah matlamat yang ingin dicapai oleh GCPI ketika pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di dalam kelas?"

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Perbincangan metodologi kajian adalah menyentuh kepada pendekatan dan jenis kajian, sampel kajian, dan kebolehpercayaan kajian. Kajian ini merupakan kajian melalui pendekatan kualitatif dengan pemilihan jenis kajian kes atau lebih tepat lagi sebagai kajian pelbagai kes (*multiple case*) atau dikenali sebagai kajian pelbagai tempat lapangan (*multisite studies*). Kajian pelbagai kes menurut Merriam (2001) adalah kajian yang melibatkan pelbagai tempat lapangan kajian. Data yang dikumpul dan dianalisis adalah datang daripada pelbagai tempat lapangan. Data seperti ini menurut Merriam lagi dapat meningkatkan kesahan luaran atau generalisasi dapatan kajian. Kajian ini seterusnya menggunakan kaedah temu bual terhadap GCPI, dua orang rakan serta dua orang pelajar mereka serta Pengetua atau Guru Penolong Kanan. Selain itu, nota lapangan dan diari juga digunakan untuk memperkukuhkan data ketiga-tiga data temu bual bagi setiap sekolah tersebut.

Pemilihan sampel kajian pengkaji menggunakan persampelan bertujuan (*purposive sampling*), iaitu kelompok responden yang mewakili populasi yang hendak

dikaji dikenal pasti dan kesemua individu dalam kelompok tersebut diambil kira sebagai sampel (Sabitha 2005). Oleh itu, pengkaji mengenal pasti lapan buah sekolah yang terdapat GCPI yang disenaraikan oleh Majlis Guru Cemerlang Malaysia (2007). Mengikut Majlis Guru Cemerlang, pada tahun 2006 terdapat 32 orang GCPI yang termasuk dalam kajian ini. Namun daripada 32 orang ini, hanya lapan orang sahaja yang dipilih dalam kajian kes ini berdasarkan perkara berikut: (a) GCPI mestilah dalam pangkat DG 48 atau 52 supaya tahap keupayaan dan kecemerlangan boleh dianggap hampir sama untuk menghasilkan dapatan yang agak bersamaan, (b) GCPI mestilah mengajar tingkatan 4, 5, dan 6 atas atau 6 bawah. Oleh itu, GCPI yang hanya mengajar tingkatan 1, 2 dan 3 tidak termasuk dalam kajian ini. Pemilihan pelajar daripada tingkatan 4 dan ke atas berdasarkan kematangan mereka untuk sesi temu bual (Abdullah Nasih Ulwan 1998), (c) GCPI juga mestilah mengajar subjek Pendidikan Islam atau sekurang-kurangnya mengajar subjek Syariah, Usuluddin dan Tasawwur Islam kerana terdapat persamaan subjek-subjek ini dengan bidang Pendidikan Islam, (d) GCPI mewakili daripada pelbagai jenis sekolah dan lokasi, iaitu sama ada sekolah menengah bandar atau luar bandar, sekolah jenis agama atau jenis kebangsaan, sekolah harian atau berasrama, sekolah di pantai Barat atau Timur Semenanjung Malaysia, dan sekolah di utara atau tengah semenanjung. Bahagian selatan Semenanjung Malaysia tidak mempunyai wakil GCPI sebagaimana yang tercatat dalam senarai Majlis Guru Cemerlang Malaysia (2007). Pengkaji juga memilih lapan orang GCPI yang paling senior daripada kategori (a), (b), (c) dan (d) kerana pengalaman mereka yang lebih berbanding yang junior dalam GCPI.

Ciri utama bagi menentukan kesesuaian dan kebolegunaan sesuatu instrumen ialah kesahan dan kebolehpercayaan. Dalam kajian ini, kesahan muka dan kebolehpercayaan yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian kualitatif ini melibatkan beberapa langkah sebagaimana yang dicadangkan oleh Bogdan & Biklen (2003), iaitu pengesahan inventori soalan separuh berstruktur oleh penyelia dan pakar bidang, kajian rintis, triangulasi data, laporan nota lapangan dan diari, pengesahan pakar terhadap tema yang dibina, serta pengiraan Cohen Kappa terhadap tahap persetujuan pakar terhadap tema. Triangulasi data dalam kajian ini melibatkan triangulasi antara lapangan kajian, triangulasi antara data tembuial GCPI dengan temu bual bersama dua pelajar GCPI yang disokong oleh nota lapangan dan diari pengkaji. Setelah semua hasil transkrip temu bual telah disahkan serta disusun semula, pengkaji mula menyusun tadbir data tersebut untuk mendapatkan tema dapatan kajian dengan bantuan program N'Vivo 7.0. Sebaik sahaja semua data diproses, dan data keseluruhan serta pola dapatan kajian dihasilkan, pengkaji

menyediakan satu set borang persetujuan pakar terhadap tema yang dibina oleh pengkaji. Persetujuan pakar terhadap tema yang dibina ini penting menurut Cohen (*et.al.* 2000; lihat Jadual 1) kerana pakar merupakan *interater* (persetujuan antara penilai), iaitu orang luar yang mengesahkan pembinaan tema yang dilakukan oleh pengkaji selaku pendidik (Cohen *et al.* 2000).

Jadual 1 Indikator tahap persetujuan Cohen Kappa

Indikator	Nilai Cohen Kappa
Sangat tinggi	> 0.90
Tinggi	0.70-0.89
Sederhana	0.30-0.69
Rendah	< 0.30

Sumber: Wiersma (1991)

Jadual 2 Senarai panel pakar analisis persetujuan pembinaan tema data kualitatif

Bil.	Nama	Wakil	Jawatan dan Kelayakan	Kepakaran	Tahap Persetujuan (Cohen Kappa)
1.	Pakar A	Institute of Education, IIUM	Pembantu Professor, Dr.	Pendidikan Islam	0.94
2.	Pakar B	Dep. of Education Foundation and Humanities, FP, UM	Pensyarah Kanan, Ketua Jabatan, Dr.	Pendidikan Guru dan Pendidikan Islam	0.92
3.	Pakar C	Fakulti Pengajian Pendidikan	Pensyarah Kanan, Ketua Jabatan, Dr.	Pendidikan Islam, Pendidikan Nilai, dan Pedagogi	0.92

Sumber: Borang persetujuan pakar Pendidikan Islam terhadap tema data kualitatif 2009

Berdasarkan Jadual 2 seramai tiga orang pakar kualitatif dalam bidang Pendidikan Islam telah dilantik untuk menjadi *interater* terhadap tema yang dibina. Hasil daripada penilaian pakar ini menunjukkan pembinaan tema yang

dilakukan oleh pengkaji, iaitu matlamat pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam adalah bertujuan untuk ‘memindahkan ilmu’, medium ‘perubahan tingkah laku’, ‘pelajar menjadi cemerlang’, dan ‘pelajar berjaya di dunia dan akhirat’ telah mencapai tahap pengukuran Cohen Kappa pada tahap melebihi 9.0 (sangat tinggi). Pencapaian tahap persetujuan yang sangat tinggi mengikut penilaian Cohen Kappa ini adalah merupakan bukti terbaik bagi menentukan kebolehpercayaan yang tinggi data kajian.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Soalan separuh berstruktur tentang “*Apakah matlamat yang ingin dicapai oleh GCPI ketika sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas?*” telah menghasilkan data untuk menjelaskan bentuk-bentuk matlamat pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam GCPI di dalam bilik darjah yang menjadi fokus dalam perbincangan artikel ini. Penandaan data sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 3 hingga Jadual 7. Berdasarkan jadual-jadual ini, pola visi dan misi yang dipersetujui bersama oleh sebahagian besar GCPI di S4 hingga S8 adalah dapat memindahkan ilmu, perubahan tingkah laku, pelajar berjaya dunia dan akhirat, serta pelajar menjadi cemerlang.

Visi dan misi berjaya memindahkan ilmu mewakili semua GCPI kecuali GCPI5 yang lebih menekankan visi dan misi yang lain. Maksud daripada visi dan misi memindahkan ilmu ini ialah pelajar memahami apa yang disampaikan (GCPI1 2008: 1142; PIS2 2008: 321; GCPI3 2008: 321; G1S3 2008: 209; P1S3 2008: 284), menguasai ilmu yang diajarkan GCPI (GCPI7 2008: 171), dan dapat menggunakan ilmu yang dipelajari dalam kehidupan (GCPI1 2008: 1140; P1S4 2008: 71; GCPI8 2008: 510, 642). Sebagai contoh, GCPI1 berkata: (GCPI:PP/MI) “*Jadi yang penting sekali saya nak supaya dia faham agama dan dia amal apa yang kita sampaikan..*” Kata-kata GCPI1 ini merujuk keinginan beliau agar pelajar memahami apa yang diajar seterusnya mahukan pelajar beliau mengamalkan ilmu yang telah mereka faham dalam kehidupan mereka.

Jadual 3 Penandaan data bagi matlamat memindahkan ilmu

Sek.	GCPI	P1	P2	G1	G2	P/GPK
S1	x	-	-	-	-	-
S2	-	x	-	-	-	-
S3	x	x	-	x	-	-
S4	-	x	x	-	-	-
S5	-	-	-	-	-	-
S6	-	-	-	x	-	-
S7	x	-	-	-	-	-
S8	x	x	x	-	-	-

Keterangan: 'x' bermakna mewakili data. Sek. - Sekolah, GCPI - Guru Cemerlang Pendidikan Islam, P1 - Pelajar 1, P2 - Pelajar 2, G1 - Guru 1, G2 - Guru 2, P/GPK - Pengetua atau Guru Penolong Kanan

Visi dan misi perubahan tingkah laku pula menyentuh kepada kebolehan pelajar memperbaiki dan mengaplikasi ibadat yang betul (GCPI6 2008: 182; GCPI7 2008: 196; GCPI8 2008: 498) selain membentuk akhlak dan peribadi para pelajar (GCPI7 2008: 527 & 498; GCPI8 2008: 500). Sebagai contoh GCPI4 menjelaskan:

(GCPI:PP/PTL) *“... budak laki laki yang kena denda itu, kata “Ustazah takut nanti kamu tidak dapat keberkatan dari pengajaran dan pembelajaran kita, kita sembahyang hari ini tapi kamu dua orang sedang bersembang.” Lepas itu apabila kita denda dia kata “Terima kasih ustazah, saya pun nak belajar apa yang ustazah ajar, saya pun nak keberkatan yang ustazah ceritakan nak dapat dan apa yang ustazah ajar saya nak ajar anak cucu saya nanti” itu yang kak rasa sebak. Jadi ada penghayatan, apa apa pengajaran dan pembelajaran pun kita tekankan penghayatan supaya dia boleh berubah tingkah laku dan ada pelajar bila kita mengajar tajuk syariah ini, dia teriak dan mengalirkan air mata dalam kelas. Jadi maknanya dia menghayati apa yang kita cakap, orang tidak boleh terbitkan air mata kalau dia tidak menghayati. Beberapa kes, bukan satu banyak kes baik masa pengajaran dan pembelajaran atau lepas P&P.”*

GCPI4 2008: 188

Petikan perbualan ini menjelaskan bagaimana GCPI4 menggunakan nasihat dan denda untuk menimbulkan kesedaran dalam P&P. Tujuan denda itu menurut GCPI4 mempunyai visi, iaitu perubahan tingkah laku pelajar tersebut dari segi sikap dan peribadi yang tidak serius ketika amali solat supaya menjadi serius agar keberkatan dalam pengajaran dan pembelajaran terhasil kepada para pelajar.

Jadual 4 Penandaan data bagi matlamat perubahan tingkah laku

Sek.	GCPI	P1	P2	G1	G2	P/GPK
S1	x	-	-	-	-	-
S2	-	-	-	-	-	-
S3	-	-	-	-	-	-
S4	x	-	x	-	-	-
S5	x	-	-	-	-	-
S6	x	-	x	-	-	-
S7	3	-	x	-	-	-
S8	x	-	x	-	-	-

Keterangan: 'x' bermakna mewakili data. Sek. - Sekolah, GCPI - Guru Cemerlang Pendidikan Islam, P1 - Pelajar 1, P2 - Pelajar 2, G1 - Guru 1, G2 - Guru 2, P/GPK - Pengetua atau Guru Penolong Kanan

Selain perubahan tingkah laku, keinginan agar pelajar menjadi cemerlang juga merupakan visi dan misi yang diinginkan oleh semua GCPI di S1-S8, kecuali GCPI2, GCPI3, dan GCPI7. GCPI2 dan GCP3 lebih menumpukan kepada aspek penguasaan ilmu berbanding kejayaan berdasarkan sekolah mereka yang terletak di luar bandar dan mereka banyak mengambil kelas pemulihan. Bagi GCPI3, para pelajar beliau merupakan para pelajar yang sememangnya dijangkakan mampu mencapai kejayaan dalam peperiksaan mereka khususnya dalam subjek Pendidikan Islam. Justeru, matlamat ini tidak menjadi keutamaan kepada beliau. Maksud daripada visi dan misi pelajar menjadi cemerlang ialah pelajar cemerlang dalam peperiksaan mereka (GCPI5 2008: 1062; P1S1 2008: 227; P1S4 2008: 398; P2S5 2008: 371; G1S6 2008: 223; P2S6 2008: 228; PKS8 2008: 323) dan pelajar hidup dengan cemerlang sebagaimana GCPI sendiri (GCPI6 2008: 127). Kenyataan untuk mengutamakan kejayaan pelajar boleh dilihat dalam kata-kata GCPI berikut:

GCPI:PP/PMC *“Pencapaian memanglah pelajar hujung ini kita kena terima kalau dia lemah tapi kita berusaha memang itu azam kita memang nawaitu kita pegang kelas hujung itu pun memang macam itulah nak perbaiki dialah. Kelas hujung semua saya pegang.”*

GCPI5 2008: 1062

Kata-kata GCPI5 dalam petikan perbualan ini menunjukkan beliau memang sudah memasang niat untuk mengajar semua kelas hujung agar dapat memperbaiki keputusan peperiksaan pelajar di kelas terbabit.

Jadual 5 Penandaan data bagi matlamat pelajar menjadi cemerlang

Sek.	GCPI	P1	P2	G1	G2	P/GPK
S1	-	x	-	-	-	-
S2	-	-	-	-	-	-
S3	-	-	-	-	-	-
S4	-	x	-	-	-	-
S5	x	-	x	-	-	-
S6	x	-	x	x	-	-
S7	-	-	-	-	-	-
S8	-	-	-	-	-	x

Keterangan: 'x' bermakna mewakili data. Sek. - Sekolah, GCPI - Guru Cemerlang Pendidikan Islam, P1 - Pelajar 1, P2 - Pelajar 2, G1 - Guru 1, G2 - Guru 2, P/GPK - Pengetua atau Guru Penolong Kanan

GCPI dalam kajian ini juga mempunyai matlamat agar pelajar berjaya di dunia dan akhirat. Matlamat kejayaan di dunia dan akhirat ini boleh dilihat daripada beberapa temu bual (P2S1 2008: 286; P1S2 2008: 317; P2S2 2008: 230 & 326; GCPI5 2008: 633; GCPI7 2008: 194; P2S7 2008: 208; G1S8 2008: 306) sebagaimana yang dinyatakan oleh P2S2 (2008: 326) dengan kata-katanya: "(GCPI:PP/BDA) *Dia ingin melihat pelajar pelajar dia berjaya dalam hidup, ha...sama ada dalam pelajaran, hidup, dunia akhirat...apa semua.*"

Jadual 6 Penandaan data bagi matlamat kejayaan pelajar di dunia dan akhirat

Sek.	GCPI	P1	P2	G1	G2	P/GPK
S1	-	-	x	-	-	-
S2	-	x	x	-	-	-
S3	-	-	-	-	-	-
S4	-	-	-	-	-	-
S5	x	-	-	-	-	-
S6	-	-	-	-	-	-
S7	x	-	x	-	-	-
S8	-	-	-	x	-	-

Keterangan: 'x' bermakna mewakili data. Sek. - Sekolah, GCPI - Guru Cemerlang Pendidikan Islam, P1 - Pelajar 1, P2 - Pelajar 2, G1 - Guru 1, G2 - Guru 2, P/GPK - Pengetua atau Guru Penolong Kanan

Terdapat juga visi dan misi dalam pengajaran dan pembelajaran lain yang ingin di capai oleh GCPI. Namun visi dan misi ini hanya mewakili separuh GCPI di bahagian kecil sahaja antara GCPI di S5 hingga S8 dan tidak menjadi pola kepada dapatan kajian. Visi dan misi ini terdiri daripada keinginan GCPI dalam pengajaran dan pembelajaran agar pencapaian objektif pengajaran dan pembelajaran boleh tercapai (P2S5 2008: 371; P1S6, 2008: 319; GCPI6 2008: 567; GCPI7 2008: 194; GCPI8 2008: 581).

Jadual 7 Penandaan data bagi matlamat pencapaian objektif

Sek.	GCPI	P1	P2	G1	G2	P/GPK
S1	-	-	-	-	-	-
S2	-	-	-	-	-	-
S3	-	-	-	-	-	-
S4	-	-	-	-	-	-
S5	-	-	x	-	-	-
S6	x	x	x	-	-	-
S7	x	-	-	-	-	-
S8	x	-	-	-	-	-

Keterangan: 'x' bermakna mewakili data. Sek. - Sekolah, GCPI - Guru Cemerlang Pendidikan Islam, P1 - Pelajar 1, P2 - Pelajar 2, G1 - Guru 1, G2 - Guru 2, P/GPK - Pengetua atau Guru Penolong Kanan

Sebagai contoh P1S6 berkata tentang GCPI yang mengajarnya: (GCPI:PP/PO) "*Dorongan utama dia saya rasa sebab kejayaan pelajar dia untuk dapat target yang diharapkan*" (P1S6, 2008: 319). Target yang dimaksudkan ada dua, iaitu pencapaian objektif dalam pengajaran dan pembelajaran dan jumlah pelajar yang berjaya meningkat setiap tahun dalam subjek yang diselia oleh GCPI.

5.0 PERBINCANGAN KAJIAN

Dapatan kajian memperlihatkan perbezaan terdapat empat pola utama dapatan kajian dalam matlamat pengajaran dan pembelajaran GCPI, iaitu memindahkan ilmu, perubahan tingkah laku, pelajar menjadi cemerlang dan pelajar berjaya di dunia dan akhirat. Terdapat juga data yang tidak menunjukkan pola dapatan di bawah matlamat pencapaian objektif. Namun, keempat-empat pola kategori

matlamat pengajaran dan pembelajaran dapatan kajian ini pada dasarnya merupakan sebahagian besar daripada ciri matlamat pengajaran dan pembelajaran yang dikemukakan oleh kebanyakan sarjana dalam bidang Pendidikan Islam, iaitu al-Kaylany (2005), al-Nahlawi (2004), Qutub (2004), Ibn ‘Abdullah (2003), Ahmad ‘Umar (2000), al-Nahwi (2000), Zawawi Ahmad (1996), ‘Ubud (1993), Ziyab Hindi *et al.* (1990) dan al-Sayyid Sultan (1983). Rangkuman matlamat pendidikan seperti yang telah dibincangkan oleh mereka adalah seperti berikut:

- (a) Mengembalikan manusia kepada Tuhannya tanpa ada perantara tempat bermohon dan meminta pertolongannya (al-Infitar 82:6-8; al-Inshiqaq 84:6; Qaf 50:16; Yasin 36:83). Melahirkan individu yang taat ikhlas beribadat kepada Allah S.W.T. dan tunduk kepada-Nya serta memakmurkan alam berdasarkan syariat-Nya (al-Dhariyat 51:56). Ini seterusnya mendorong manusia menjauhkan diri daripada kesyirikan dan kekufuran (al-A‘raf 7:191; Yunus 10:18; al-Nahl 16:54; al-Mu‘minun 23:59; al-Nur 24:55; al-Naml 27:63; al-Qasas 28:68; al-‘Ankabut 29:65; al-Rum 30:33 & 40; al-Zumar 39:67; al-Tur 52:43; al-Hashr 59:23). Matlamat ini adalah teras kepada semua matlamat yang lainnya.
- (b) Menjadi orang yang berilmu kerana manusia mulia dengan ilmu agamanya (al-Mujadalah 58:11). Dengan ilmu agama manusia lebih bertakwa dan beriman serta tunduk serta takut kepada Allah S.W.T. (Ali ‘Imran 3:7 & 18; al-Nisa’ 4:162; al-Isra’ 17:107; al-‘Ankabut 29:49). Melalui ilmu seorang Muslim itu dapat membezakan antara benda, jalan dan sumber yang baik dengan yang buruk sehingga menghasilkan natijah jalan yang baik dan keji di alam akhirat (al-Bukhari 1987: 50, 1910; Muslim 1972: 2996); berlumba-lumba membuat kebaikan kepada manusia (Ali ‘Imran 3:133; al-Nahl 16:97); meningkatkan kemampuan beramal dengan kadar kemampuan masing-masing (al-A‘la 87:1-3; al-Taubah 9:105; al-Bukhari 1987: 4568, Muslim 1972: 4787). Termasuk juga ciri kemantapan diri ialah berpegang teguh kepada kebenaran dan menentang keburukan (al-Mu‘minun 23:70-71; Sad 38:24).
- (c) Melahirkan individu Muslim yang beriman dan beramal soleh (al-Mulk 67:2; Fatir 35:10; al-Mu‘minun 23:1-10; al-Bukhari 1987:1; Al-Kaylany 2005). Pembangunan ini menumpukan kepada pembangunan kekuatan iman yang terhasil daripada pemikiran yang mendalam terhadap kewujudan ciptaan Allah S.W.T. (al-Rum 30:46; Fussilat 41: 37 & 39; al-Shura 42:29 & 32; al-Nur 24:44) termasuk penciptaan manusia itu sendiri (al-Mu‘minun 23:12-16; al-

Sajadah 32:7-9), pengajaran di sebalik nasihat (Ali 'Imran 3:13; al-Nahl 16:66; al-Mu'minin 23:21;) dan kisah al-Quran (Hud 11:120) dan hadis. Selain iman, tumpuan pembangunan juga untuk melahirkan umat Islam yang soleh yang bertolong-tolongan dalam perkara kebaikan dan mencegah kemungkaran (Ali 'Imran 3:104, 110 & 114; al-A'raf 7:157; al-Taubah 9:71 & 112; Luqman 31:17; al-Bukhari 1987: 459, 2266, 5576; Muslim 1972: 4684) dan berkasih sayang antara satu sama lain (al-Taubah 9:108; al-Hashr 59:9; Muslim 1972: 4685), sebagaimana umat kurun Rasulullah s.a.w. dan dua kurun yang berikutnya (al-Bukhari 1987: 2457, 2458, 3377, 3378, 4888, 5948, 5949, 6166, 6201, Muslim 1972: 4599, 4600, 4601, 4603).

- (d) Menanamkan kesempurnaan (Ahmad 1980: 8595) dan kesolehan akhlak Islamiyyah (al-Bukhari 1987: 3572; Muslim 1972: 4521). Matlamat ini merupakan antara matlamat utama pengutusan Rasulullah s.a.w. Ini kerana, orang yang berakhlak dianggap orang membuat amal kebaikan yang besar (Muslim 1972: 4632, 4633) dan akan mempunyai berat timbangan amalnya di akhirat yang paling berat (al-Tarmidhi 1983: 1927; Abu Dawud t.th.: 4166). Golongan ini juga merupakan orang yang paling banyak masuk ke syurga (al-Qalam 68:4; al-Tarmidhi 1983: 1926; Ibn Majah 1975: 4236; Ahmad 1980: 7566, 8734, 9319)
- (e) Pembangunan jasmani, iaitu menjadikan diri umat yang kuat dan sihat (Muslim 1972: 4816) melalui pelbagai aktiviti seperti memanah, berkuda (al-Tarmidhi 1983: 1561; Ibn Majah 1975: 2801; Ahmad 1980: 16662, 16683, 16699, al-Darimi 1987: 2298), berlumba termasuk renang atau lumba lari (Ibn Majah 1975: 1969, Ahmad 1980: 18047, 22989, 23833, 25194), latihan dan permainan alatan perang (al-Tarmidhi 1983: 3624) dan sebagainya supaya segala kekuatan dan tenaga dapat digunakan untuk menyeru manusia dan masyarakat kepada kebaikan dan menjauhi persengketaan dan permusuhan.
- (f) Meningkatkan keupayaan ekonomi diri. Pendidikan Islam juga tidak boleh lari dari tuntutan memberikan ilmu dan kemahiran agar para pelajar mempunyai keupayaan mencari rezeki yang baik. Matlamat ini sudah tentu menyokong kepada matlamat yang lain kerana mencari rezeki dengan jalan yang halal juga merupakan amal soleh (al-Bukhari 1987: 54, 1213, 4057, 5236, 5896, 6236; Muslim 1972: 3076). Selain itu, memberikan keupayaan untuk menyara diri, keluarga dan kerabat yang dianggap sedekah yang lebih baik daripada membelanjakan harta di jalan Allah S.W.T. (al-Qasas 28: 77; Muslim 1972: 1661).

- (g) Mencapai kejayaan di dunia dan akhirat (al-Nahl 16:97; al-A'raf 7:96). Kejayaan dunia dengan kejayaan membina kehidupan remaja, kehidupan rumah tangga, kehidupan bermasyarakat dan kehidupan bernegara mengikut landasan syariat. Kejayaan dalam alam akhirat dengan sentiasa bersedia kepada kematian seterusnya selamat daripada azab api neraka dan masuk syurga (Ali 'Imran 3:185; al-Anbiya' 21:35; al-'Ankabut 29:57).


Berdasarkan matlamat yang dibincangkan oleh ulama Islam tentang matlamat Pendidikan Islam, tidak terdapat perbezaan yang ketara antara matlamat yang dibincangkan dengan matlamat yang terhasil daripada kajian sebagai contoh dari segi memindahkan ilmu. Matlamat ini adalah bersamaan dengan menjadi orang yang berilmu seterusnya dapat membezakan antara yang hak dan yang batil. Begitu juga matlamat GCPI untuk perubahan tingkah laku pelajar adalah selaras dengan matlamat melahirkan individu muslim yang beriman, beramal soleh, dan berakhlak mulia. Keimanan di sini sudah tentu merujuk kepada mengembalikan manusia kepada Tuhannya.

Seterusnya, matlamat GCPI agar pelajar menjadi cemerlang secara tidak langsung adalah bermaksud kejayaan peperiksaan di dunia yang boleh membantu para pelajar dalam meningkatkan keupayaan ekonomi diri. Selain kecemerlangan pelajar di dunia, matlamat kejayaan pelajar di dunia dan akhirat juga merupakan intipati data yang selaras dengan ciri terakhir daripada pandangan sarjana yang menegaskan bahawa kejayaan di dunia dengan kejayaan membina kehidupan remaja, kehidupan rumahtangga, kehidupan bermasyarakat dan kehidupan bernegara mengikut landasan syariat. Sedangkan kejayaan dalam alam akhirat dengan sentiasa bersedia kepada kematian seterusnya selamat daripada azab api neraka dan masuk syurga.

Namun begitu, dari segi pembangunan jasmani sebagaimana yang ditekankan juga dalam matlamat pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam pada pandangan sarjana Pendidikan dalam Islam tidak terdapat dalam data yang dikumpul. Matlamat ini dari segi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam sendiri tidak menekankan secara tersurat untuk pembangunan ini melainkan ia hanya dalam bentuk yang tersirat melalui aktiviti ibadat badan seperti solat, puasa, dan haji, serta lain-lain aktiviti yang secara tersiratnya melibatkan aktiviti jasmani.

6.0 IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN

Berdasarkan pola dapatan kajian, pengkaji menghasilkan satu model baru yang dipanggil model matlamat pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Model ini digambarkan oleh pengkaji sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1 Model Matlamat pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam (MMPPPI)

Berdasarkan MMPPPI ini, terdapat tiga aspek utama yang saling berkait antara satu sama lain, iaitu memindahkan ilmu, perubahan tingkah laku dan pelajar menjadi cemerlang. Memindahkan ilmu merujuk matlamat yang ingin dicapai agar ilmu yang ada pada guru dapat difahami dengan baik oleh pelajar dalam bentuk ilmu tentang iman, Islam, dan akhlak Islam. Melalui penguasaan ilmu, penekanan utama yang kedua pula ialah penekanan kepada aspek penghayatan kepada ajaran ilmu Islam itu sendiri dalam diri pelajar tidak kira ketika dalam waktu semasa atau ketika pelajar telah mencapai tahap kematangan untuk menghayati kembali ilmu yang telah mereka kuasai. Selepas itu, harapan semua guru pula agar pelajar mereka mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan sebagai matlamat jangka pendek dan cemerlang dalam kehidupan dalam matlamat jangka panjang. Ketiga-tiga aspek matlamat ini pada hakikatnya adalah untuk mencapai matlamat akhir manusia, iaitu kejayaan di dunia dan akhirat.

Berdasarkan MMPPPI ini, para guru pendidikan Islam boleh menjadikan model ini sebagai satu simbul pegangan dalam hati ketika merancang pengajaran dan pembelajaran atau ketika proses P&P. Simbol model ini wajar selalu diperingatkan oleh guru pendidikan Islam kepada para pelajar supaya matlamat yang terkandung dalam model ini tidak hilang daripada matlamat P&P. Guru Pendidikan Islam juga perlu menghubungkan diri kepada Allah S.W.T. dengan berdoa agar matlamat yang dipegang ini benar-benar dapat dibina kepada para pelajarnya. Melalui doa, matlamat yang betul, perancangan, dan pelaksanaan P&P, kejayaan dalam pencapaian matlamat ini mampu diperolehi.

7.0 RUMUSAN

Tulisan ini telah membicarakan aspek kajian kualitatif dengan pencapaian objektif untuk melihat matlamat yang dipegang oleh GCPI dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang ketara antara teori matlamat yang dibicarakan oleh ilmuan Islam dengan matlamat yang ingin dicapai oleh GCPI dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Kecuali pembangunan jasmani, dapatan kajian tidak menunjukkan data yang tersurat yang menjelaskan adanya matlamat ini dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Hasil dapatan kajian ini, satu model matlamat pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dibina untuk dijadikan pegangan kepada semua guru dan bakal guru Pendidikan Islam dalam merencana dan melaksana pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam mereka.

RUJUKAN

- ‘Ubud, ‘Abd al-Ghani. 1993. *Fi al Tarbiyyah al Islamiyyah*. Al-Qaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabiy.
- ‘Ulwan, Abdullah Nasih. 1998. *Pendidikan Anak anak Menurut Pandangan Islam*. Jld. 1-3. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abu Dawud, Sulaiman al-Ash ‘ath al-Sajastani. 1994. *Sunan Abu Dawud*. Jld. 1-2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ahmad Hambal, Abu ‘Abdullah ibn Muhammad ibn Hambal ibn Hilal al-Shaibani. 1994. *Musnad li al Imam Ahmad ibn Hambal*. Juz. 1-12. Mesir: Dar al-Ma’arif.
- Ahmad ‘Umar, ‘Umar. 2000. *Falsafah al Tarbiyyah fi al Quran*. Damshiq: Dar al-Maktabiy.
- Al-Bukhari, Abu ‘Abdullah Muhammad Isma‘il bin Ibrahim ibn al-Mughirah Bardazbah al-Ja‘fari. 1994. *Sahih al Bukhari*. Jld. 1-4. Dar al-Fikr: Bairut.
- Al-Darimi, Abu Muhammad ‘Abdullah Bahram al-Darimi. t.thn. *Sunan al Darimi*. Jld. 1-2. Beirut: Dar al-Fikr.

- Al-Kaylaniy, Majid 'Arsan. 2005. *Ahdaf al Tarbiyyah al Islamiyyah*. Dubai: Dar al-Qalam.
- Al-Nahlawi, 'Abd al-Rahman. 2004. *Usul al Tarbiyyah al Islamiyyah wa Asalibuha fi al Bait wa al Madrasah wa al Mujtama'*. Damshiq: Dar al-Fikr.
- Al-Nahwi, Adnan 'Ali Rida. 2000. *Al Tarbiyyah fi al Islam: al Nazariyyah wa al Manhaj*. Riyadh: Dar al-Nahwi.
- Al-Nasa'i, Abu Abd al-Rahman Ahmad Shuaib Ali Bahr Sinan Dinar al-Nasa'i. t.thn. *Sunan al Nasa'i bi Sharh al Hafiz Ijlal al Din al Suyuti Wa Hashiah al Imam al Sundi*. Jld. 1-4. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nawawi. 1994. *Riyadhush Shalihin (Taman Kaum Shalihin dari Sabda Penghulu Sekelias Rasul)*. Jld. 1-2. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD.
- Al-Quran al-Karim.
- Al-Sayyid Sultan, Dr. Mahmud. 1983. *Al Ahdaf al Tarbiyyah fi Itar al Nazariyyah al Tarbiyyah fi al Islam*. Al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.
- Al-Tarmidhi, Abu Isma'il, Muhammad 'Isa. 1983. *Sunan al Tirmidhi wa Hua al Jami' al Mukhtasar min al Sunani 'an Rasulallah s.a.w. wa Makrifat al Sahih wa al Ma'lul wa Maklul wa ma 'alaih al 'Amal*. Jld. 1-5. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- Al-Zuhaili, Wahbah. 1989. *Al Fiqh al Islami wa Adillatuh*. Jil. 1-8. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Bogdan, R. C. & Miklen, S. K. 2003. *Qualitative Research for Education: An Introduction To Theory and Methods*. Boston: Allyn & Bacon.
- Borang Persetujuan Pakar Pendidikan Islam Terhadap Tema Data Kualitatif 2009.
- Cohen, L, Manion, L. & Morrison, K. 2000. *Research Methods in Education*. Fifth Edition. London: Routledge Falmer.
- GCPI4. 2008. *Teks Temu bual Bersama GCPI4*. Temu bual diadakan pada jam 12.50 tengahari bertarikh 2.7.2008 di Perpustakaan.
- GCPI5. 2008. *Teks Temu bual Bersama GCPI5*. Temu bual diadakan pada jam 1.30 tengahari bertarikh 10.7.2008 di Bilik Mesyuarat.
- GCPI6. 2008. *Teks Temu bual Bersama GCPI6*. Temu bual diadakan pada jam 1.30 pagi bertarikh 21.7.2008 di Pusat Sumber Sekolah (PSS).
- GCPI7. 2008. *Teks Temu bual Bersama GCPI7*. Temu bual diadakan pada jam 3.20 petang bertarikh 4.8.2008 di BGK.
- GCPI8. 2008. *Teks Temu bual Bersama GCPI8*. Temu bual diadakan pada jam 12.35 tengahari bertarikh 13.8.2008 di Bilik Mesyuarat dan Makmal Komputer.
- Ibn Majah, 'Abu 'Abdullah Muhammad bin Yazid al-Qazwaini. t.thn. *Sunan Ibn Majah*. Jld. 1-2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn 'Abdullah, 'Abd al-Rahman Salih. 2003. *al Ahdaf al Sulukiyah fi al Tarbiyyah al Islamiyyah: Siyaghatuha wa Taqwimuha*. Al-Qahirah: Dar al-Fikr al-'Arabiyy.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2010. *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. Bangi: Penyelidikan Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Merriam, S.B. 1997. *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Muslim, Abu al-Husain al-Hajjaj ibn Muslim al-Qushairi al-Nisaburi. 2001. *Al Jami' al Sahih*. Beirut: Dar al-Fikr.
- PIS4. 2008. *Teks Temu bual Bersama PIS4*. Temu bual diadakan pada jam 8.55 pagi bertarikh 25.6.2008 di Bilik Guru Cemerlang (BGC).
- PIS5. 2008. *Teks Temu bual Bersama PIS5*. Temu bual diadakan pada jam 9.55, 4.7.2008 di Bilik Mesyuarat.
- PIS6. 2008. *Teks Temu bual Bersama PIS6*. Temu bual diadakan pada jam 10.00, 18.7.2008 di Bilik Galeri Sejarah (BGS).

- P1S7. 2008. *Teks Temu bual Bersama P1S7*. Temu bual diadakan pada jam 8.05 pagi bertarikh 1.8.2008 di Bilik Mesyuarat.
- P1S8. 2008. *Teks Temu bual Bersama P1S8*. Temu bual diadakan pada jam 9.05 pagi bertarikh 6.8.2008 di Bilik Mesyuarat.
- P2S4. 2008. *Teks Temu bual Bersama P2S4*. Temu bual diadakan pada jam 9.55 pagi bertarikh 25.6.2008 di BGC.
- P2S5. 2008. *Teks Temu bual Bersama P2S5*. Temu bual diadakan pada jam 10.35 pagi bertarikh 4.7.2008 di Bilik Mesyuarat.
- P2S6. 2008. *Teks Temu bual Bersama P2S6*. Temu bual diadakan pada jam 10.45 pagi bertarikh 18.7.2008 di BGS.
- P2S7. 2008. *Teks Temu bual Bersama P2S7*. Temu bual diadakan pada jam 8.50 pagi bertarikh 1.8.2008 di Bilik Mesyuarat.
- P2S8. 2008. *Teks Temu bual Bersama P2S8*. Temu bual diadakan pada jam 9.55 pagi bertarikh 6.8.2008 di Bilik Mesyuarat.
- Qutub, Muhammad. 2004. *Manhaj al Tarbiyyah al Islamiyyah*. Misr: Dar al-Shuruq.
- Sabitha Marican. 2005. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Prentice Hall.
- Zawawi Ahmad. 1996. *Sains dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ziyab Hindi, Dr. Salih; ‘Aliyyan, Hisham ‘Amir; al- ‘Amuri, Ahmad ‘Abd al-Rahim; & Hawashin, Mufid Najib. 1990. *Usus al Tarbiyyah*. Amman: Dar al-Fikr li al-Nashr wa al-Tauzi’.
- Wiersma, W. 1991. *Research Methods in Education*. 5th ed. Boston: Allyn & Bacon.